



# Paip pecah punca berlaku gangguan bekalan air

---

[Asrol Awang](#)

[am@hmetro.com.my](mailto:am@hmetro.com.my)

Kuantan: Paip pecah yang berlaku di kawasan Mahkota Golf and Country Club (MGCC) di sini, dikenal pasti punca menyebabkan gangguan bekalan air di beberapa kawasan di daerah ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Pengurusan Air Pahang Berhad (Paip) Saiful Zaini Mohd Bokhari berkata, kerja membaiki paip akan dilakukan dalam tempoh segera.

Menurutnya, ia kerana pihaknya berdepan cabaran untuk pembaikan paip itu kerana kemungkinan berlaku faktor luar jangka.

"Paip yang berukuran 1,500 milimeter (mm) itu berada dalam kedalaman antara lapan hingga 11 meter.

"Disebabkan berlaku runtuh tebing, kita memasang cerucuk kepingan besi di kawasan berlaku paip pecah itu yang memakan masa sehingga 16 jam.

"Kita akan berusaha untuk kerja penyelenggaraan dapat diselesaikan segera," katanya pada sidang media selepas meninjau tapak bagi penyelenggaraan air mentah di MGCC, di sini, hari ini.



PAIP pecah yang berlaku di kawasan Mahkota Golf and Country Club (MGCC), Kuantan.

FOTO Asrol Awang

Bagi mengatasi masalah gangguan bekalan air sebaik kerja pembaikan dilaksanakan, Saiful Zaini berkata, pihaknya akan mendapatkan bantuan daripada syarikat operator air dari negeri lain.

Katanya, kira-kira 100 lori tangki diperlukan untuk membantu membekalkan bekalan air kepada penduduk yang terjejas.

"Pada masa sama, kita juga akan menyediakan tangki statik di kawasan yang terjejas.

"Namun, Paip akan berusaha sebaik mungkin untuk memastikan penduduk mendapat bekalan air secepat mungkin," katanya.

Berlaku gangguan bekalan air yang difahamkan membabitkan kira-kira 35,000 pemilik akaun sejak Selasa lalu.

Gangguan bekalan disebabkan paip yang dipasang pada 1980-an itu pecah.

**Disiarkan pada: September 9, 2022 @ 4:06pm**